

# Pengecualian cukai syarikat baru pertanian

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt.

— Kerajaan akan memberikan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus untuk tempoh lima tahun ke atas pendapatan status syarikat baru yang terbit dalam sektor pertanian berasaskan makanan.

Selain itu, kerajaan juga akan meluaskan galakan cukai dalam bentuk elaun 100 peratus ke atas perbelanjaan modal bagi menggalak pengeluaran bahan makanan secara besar-besaran dengan matlamat eksport dan bagi tujuan import.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah

itu dilaksanakan bagi meningkatkan sektor pertanian yang sebelum ini hanya bergantung kepada pengeluaran barangan komoditi sahaja

Katannya, masih banyak bidang baru yang boleh dimajukan terutama makanan dan keluaran berasaskan sumber seperti getah dan kayu-kayan.

“Pelbagai insentif cukai telah disediakan bagi mendorong kemajuan pengeluaran pertanian negara semenjak belanjawan 2001,” kata beliau.

Dr. Mahathir menambah, sebelum ini potongan cukai pendapatan bersa-

maan dengan jumlah pelaburan (*group relief*) yang diberi kepada syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari dalam pengeluaran makanan.

Tambahnya, bagi sektor kecil ternakan ayam itik terutama di Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan diberi taraf perintis dengan pengecualian cukai pendapatan 85 peratus atau Elaun Cukai Pelaburan 80 peratus bagi tempoh lima tahun.

Selain itu, untuk membantu hasil pertanian lain seperti getah, kelapa sawit dan kayu-kayan yang ber-

potensi memberi sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan akan memberi pengecualian cukai pendapatan 70 peratus atau Elaun Cukai Pelaburan 60 peratus selama lima tahun.

Malaysia sebelum ini, kata Dr. Mahathir, terlalu banyak bergantung kepada komoditi seperti getah dan kelapa sawit yang berisiko untuk mengalami perubahan harga sama ada naik atau turun.

Malah, Malaysia, jelas beliau, membelanjakan RM11 bilion bagi mengimport makanan bagi tahun 2001.